

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]

SOALAN NO. 441

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha-usaha jangka pendek dan jangka panjang dalam meningkatkan konsep *e-learning* dan kaedah pengajaran secara rakaman video oleh guru terpilih dalam sistem pendidikan negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membina satu pelantar pendidikan digital di portal.moe-dl.edu.my yang membolehkan perubahan kaedah pengajaran dan pembelajaran berkesan berlaku dalam talian (e-pembelajaran). KPM menggunakan servis *Google Classroom* (GC) untuk menjalankan pembelajaran dalam talian. GC merupakan satu pelantar pembelajaran yang memberi akses kepada guru dan murid pada masa dan tahap yang sesuai serta mengikut keperluan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kelas. Kesemua aplikasi dan servis di bawah *Google Suite for Education* (GFE), termasuk GC telah disediakan untuk kegunaan guru dan murid.

Berkaitan dengan kaedah pengajaran secara rakaman video oleh guru terpilih dalam sistem pendidikan negara pula, KPM telah membuat rakaman amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru-guru

NO. SOALAN : 441

cemerlang guru dan pelatih cemerlang daripada IPG dengan kerjasama Jemaah Nazir dan Institut Pendidikan Guru (IPG) mulai tahun 2008. Sehingga 30 September 2019, sebanyak 312 rakaman amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran (PdP) telah dimuat naik ke portal e-Guru.

Selain itu, bagi membantu guru-guru mendapatkan bahan pengajaran dan maklumat pendidikan terkini, KPM menyediakan program webinar iaitu seminar dalam talian yang mengetengahkan konsep penyampaian maklumat pembelajaran seperti bicara profesional dan wacana ilmu kepada guru secara dalam talian. Program ini dapat diakses oleh guru menggunakan platform SPLKPM dan youtube secara siaran langsung atau tayangan ulangan.

Bagi memudahkan pencarian maklumat, modul-modul latihan terutama bagi Program Transformasi Sekolah 2013-2025 (TS25) telah dimuat naik dalam talian dengan menggunakan pelantar yang dibangunkan oleh KPM. Sehingga kini, guru-guru dari sekolah TS25 iaitu sebanyak 1,100 buah sekolah telah mengikuti latihan modul tersebut secara dalam talian.